

GLOSARI

Pengertian perkataan-perkataan di bawah adalah dirujuk kepada Kamus Dewan Edisi Ketiga (1994). Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur sebagai sumber utama. Beberapa perkataan yang tidak terdapat dalam kamus ini dirujuk kepada beberapa sumber yang lain.

<i>Anti-establishment</i>	menentang. membantah atau tidak menyetujui pihak yang berkuasa
<i>Artikulasi</i>	melafazkan sesuatu
<i>Autoritarian</i>	pemerintah yang bersifat kuasa mutlak (kuasa penuh)
<i>Barbarism/ barbarian</i>	cara atau perbuatan yang tidak beradab
<i>Demokrasi</i>	sistem pemerintahan negara oleh rakyat
<i>Dominasi</i>	menguasai. mengenakan atau menimpa kekuasaan ke atas sesuatu pihak
<i>Ekspresi</i>	penghadiran maksud (perasaan dsb) dengan kata-kata atau gerak-geri
<i>Fatwa</i>	keputusan agama yang diberikan oleh mufti atau alim ulama mengenai sesuatu masalah
<i>Goyim</i>	lembu: binatang
<i>Haji Wida</i>	Haji perpisahan
<i>Hedonisme</i>	faham yang dianut oleh orang-orang yang mencari kesenangan semata-mata

<i>Homogen</i>	terdiri daripada bahagian-bahagian yang sama atau sejenis
<i>Hukum Syarak</i>	peraturan (ketentuan) mengenai kehidupan menurut Islam
<i>Ideologi</i>	fahaman (ajaran) yang dipakai atau yang dicitakan untuk dasar pemerintahan
<i>Imperialisme</i>	dasar atau tindakan sesebuah negara menjajah atau mengenakan kuasa pemerintahannya ke atas negara-negara lain
<i>Indikator</i>	penunjuk
<i>Jahiliyah</i>	masa atau zaman kebodohan, kelalaian, zaman sebelum Islam
<i>Kapitalisme</i>	faham kaum pemodal
<i>Khalifah</i>	pemimpin; ketua; sultan atau amir
<i>Kolonialisme</i>	dasar menguasakan atau mengekalkan kekuasaan atau pemerintahan ke atas negeri lain
<i>Manipulasi</i>	sesuatu perbuatan curang atau kurang baik yang dilakukan untuk faedah sendiri
<i>Maslahat</i>	sesuatu yang berfaedah atau berguna
<i>Mazhab</i>	aliran atau fahaman dalam sesuatu agama atau ajaran
<i>Modenisasi</i>	perihal menjadi atau menjadikan moden, pmodernen
<i>Monarki</i>	raja / kerajaan berdasarkan keturunan

<i>Monopoli</i>	penguasaan ke atas pengeluaran atau sesuatu yang wujud untuk kepentingan seseorang atau segolongan sahaja
<i>Ortodoks</i>	berpegang atau berdasarkan pendapat-pendapat (prinsip atau ajaran) yang diterima umum
<i>Paks Islamika</i>	zaman Islam dilaksanakan atau diperintah oleh Islam
<i>Regim</i>	pemerintahan
<i>Syariat</i>	hukum agama Islam
<i>Taqwa</i>	melaksanakan semua perintah Allah dan meninggalkan semua larangan Allah
<i>Vandalisme</i>	perosakan: sifat suka merosak
<i>Veto</i>	pembatal keputusan
<i>Weltanschauung</i>	pandangan dunia
<i>Worldview</i>	pandangan dunia

APENDIKS 1

PERISYTIHARAN HAK ASASI MANUSIA SEJAGAT

MUKADDIMAH

Bahwasanya pengiktirafan keutuhan kemuliaan dan hak sama rata serta asasi yang tak terpisah bagi seluruh umat manusia adalah asas kebebasan, keadilan dan kedamaian dunia.

Bahwasanya pengabaian serta penghinaan terhadap hak asasi manusia telah pun mengakibatkan tindakan terkutuk yang telah melanggari perasaan hati umat manusia, dan munculnya sebuah dunia di mana manusia akan menikmati kebebasan berucap dan menganut kepercayaan serta kebebasan dari rasa takut dan citarasa telah pun diisyiharkan sebagai aspirasi teragung seluruh umat manusia.

Sekiranya kita tidak mahu mendorong manusia dalam keadaan terdesak, sebagai pilihan terakhir, memberontak menentang kezaliman serta penindasan, maka adalah penting bagi hak asasi manusia dipertahankan oleh kedaulatan undang-undang.

Bahwasanya adalah penting bagi memajukan perkembangan perhubungan persahabatan di antara negara-negara.

Bahwasanya rakyat Bangsa-Bangsa Bersatu, dalam Piagamnya telah sekali lagi menegaskan kepercayaan mereka terhadap hak asasi manusia, terhadap kemuliaan serta nilai diri manusia dan terhadap hak sama rata lelaki dan perempuan dan telah menetapkan keazaman untuk memajukan perkembangan sosial dan taraf hidup yang lebih sempurna dalam suasana kebebasan yang lebih luas.

Bahwasanya Negara-Negara Anggota telah berikrar untuk masing-masing mencapai, dengan kerjasama Bangsa-Bangsa Bersatu, pengutaraan kehormatan sejagat terhadap, serta pematuhan, hak asasi manusia dan kebebasan asasi.

Bahwasanya satu fahaman bersama terhadap hak serta kebebasan ini seluruhnya adalah terpenting demi menjadikan ikrar ini kenyataan sepenuhnya.
MAKA DENGAN INI

Perhimpunan agung mengisyiharkan

Perisyiharan sejagat hak asasi manusia ini sebagai suatu ukuran bersama terhadap pencapaian oleh seluruh umat manusia dan kesemua negara dengan tujuan supaya setiap individu dan setiap badan masyarakat, dengan senantiasa mengingati Perisyiharan ini, hendaklah berazam melalui pengajaran dan pendidikan bagi memajukan sanjungan terhadap seluruh hak-hak dan kebebasan ini dan secara langkah-langkah berperingkat-peringkat, di bidang negara dan antarabangsa, bagi menjaminkan pengiktirafan dan pematuhan sejagatnya yang berkesan, kedua-duanya di antara negara-negara anggota masing-masing dan rakyat wilayah-wilayah di bawah bidangkuasa mereka.

Perkara 1.

Semua manusia dilahirkan bebas dan sama rata dari segi kemuliaan dan hak-hak. Mereka mempunyai pemikiran dan perasaan hati dan hendaklah bertindak di antara satu sama lain dengan semangat persaudaraan.

Perkara 2.

Setiap orang adalah berhak kepada semua hak-hak dan kebebasan yang termaktub dalam Perisyiharan ini, tanpa sebarang apa jua perbezaan, seperti bangsa, warna kulit, jantina, bahasa, agama, fahaman politik atau lain-lain fahaman, asal-usul bangsa keturunan atau sosial harta-benda, kelahiran atau apa-apa taraf lain.

Seterusnya, tiada sebarang perbezaan boleh dibuat berdasarkan kepada taraf politik atau bidangkuasa ataupun antarabangsa sesebuah negara atau wilayah datangnya seseorang itu, sama ada ia merdeka, berauanah, tanpa pemerintahan sendiri atau berada di bawah apa-apa sekatan kedaulatan lainnya.

Perkara 3.

Setiap orang adalah berhak kepada nyawa, kebebasan dan keselamatan diri.

Perkara 4.

Tiada sesiapa pun boleh diperhamba atau diperabdikan; keabdian dan dagangan hamba abdi hendaklah dilarang dalam semua bentuknya.

Perkara 5.

Tiada sesiapa pun boleh dikenakan seksaan atau layanan atau hukuman yang zalim, tidak berperikemanusiaan atau menghinakan.

Perkara 6.

Setiap orang adalah berhak kepada pengiktirafan di mana jua sebagai seorang insan di sisi undang-undang.

Perkara 7.

Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak tanpa apa-apa perbezaan kepada perlindungan yang samarata di sisi undang-undang. Semua orang adalah berhak kepada perlindungan yang samarata daripada sebarang pembazaan yang melanggar Perisyiharan ini dan daripada sebarang hasutan terhadap pembezaan sedemikian.

Perkara 8.

Setiap orang adalah berhak kepada pemulihan yang berkesan oleh tribunal-tribunal kebangsaan yang kompeten terhadap tindakan-tindakan yang melanggar hak-hak asasi yang diberikannya oleh perlembagaan atau oleh undang-undang.

Perkara 9.

Tiada sesiapa pun boleh dikenakan tangkapan, tahanan atau pembuangan negeri secara sewenang-wenangnya.

Perkara 10.

Setiap orang adalah berhak dengan samarata sepenuhnya kepada pembicaraan adil dan terbuka oleh suatu tribunal bebas dan saksama, dalam penetapan hak-hak dan tanggungannya dan sebarang tuduhan jenayah terhadapnya.

Perkara 11.

1. Setiap orang yang dituduh dengan kesalahan keseksaan adalah berhak dianggap tidak salah sehingga dibuktikan salah menurut undang-undang di dalam perbicaraan terbuka di mana dia telah diberikan segala jaminan yang perlu untuk pembelaannya.
2. Tiada sesiapa pun boleh diputuskan bersalah atas sebarang kesalahan keseksaan oleh kerana sebarang tindakan atau ketinggalan yang tidak merupakan suatu kesalahan keseksaan, di sisi undang-undang kebangsaan atau antarabangsa, pada masa ianya dilakukan. Tiada pula boleh dikenakan sebarang hukuman yang lebih berat dari hukuman yang terpakai ketika kesalahan keseksaan itu dilakukan.

Perkara 12.

Tiada sesiapa pun yang boleh dikenakan kepada sebarang gangguan sewenang-wenangnya terhadap keadaan peribadi, keluarga, rumahtangga atau surat-

menyuratnya, atau percerobohan ke atas maruah dan nama baiknya. Setiap orang berhak kepada perlindungan undang-undang terhadap gangguan atau percerobohan sedemikian.

Perkara 13.

1. Setiap orang adalah berhak kepada kebebasan bergerak dan bermastautin di dalam sempadan sesebuah negara.
2. Setiap orang berhak meninggalkan mana-mana negara, termasuk negaranya sendiri dan kembali semula ke negaranya.

Perkara 14.

1. Setiap orang berhak memohon dan menikmati perlindungan politik dalam negara lain daripada sebarang anjaya.
2. Hak ini tidak boleh dituntut bagi pendakwaan yang benar-benar timbul daripada kesalahan bukan politik atau daripada tindakan yang bertentangan dengan tujuan-tujuan dan prinsip-prinsip Bangsa-Bangsa Bersatu.

Perkara 15.

1. Setiap orang adalah berhak kepada suatu kewarganegaraan.
2. Tiada sesiapa pun boleh dilucutkan kewarganegaraannya secara sewenangwenangnya atau dinasikan hak menukar kewarganegaraannya.

Perkara 16.

1. Lelaki dan perempuan dewasa, tanpa mengira bangsa, kewarganegaraan atau ugama, berhak berkahwin dan menubuhkan keluarga. Mereka adalah berhak kepada hak-hak samarata berhubung dengan perkahwinan, dalam tempoh masa perkahwinan dan pada pembubarannya.

2. Perkahwinan hanya boleh dilaksanakan dengan persetujuan bebas dan sepenuhnya oleh pihak-pihak yang bercadang untuk berkahwin.
3. Keluarga adalah unit kumpulan semulajadi dan asasi dalam masyarakat dan adalah berhak kepada perlindungan oleh masyarakat dan Negara.

Perkara 17.

1. Setiap orang berhak memiliki harta secara bersendirian serta secara berkongsi dengan orang lain.
2. Tiada sesiapa pun boleh dilucutkan harta-bendanya secara sewenang-wenangnya.

Perkara 18.

Setiap orang adalah berhak kepada kebebasan berfikir, perasaan hati dan ugama; hak ini termasuklah kebebasan menukar ugama atau kepercayaannya, dan kebebasan, samada secara bersendirian atau secara bersama-sama dengan orang-orang lain dan secara terbuka atau bersendiri, menganuti ugama atau kepercayaannya melalui pengajaran, amalan, pemujaan dan pematuhan.

Perkara 19.

Setiap orang adalah berhak kepada kebebasan pendapat dan mengeluarkan fikiran; hak ini termasuklah kebebasan memegang pendapat tanpa gangguan dan menuntut, menerima dan menyebarkan maklumat dan buah fikiran melalui sebarang media dan tanpa mengira sempadan.

Perkara 20.

1. Setiap orang adalah berhak kepada kebebasan berhimpun secara aman dan menuuhkan persatuan.
2. Tiada sesiapa pun boleh dipaksa menjadi ahli mana-mana pertubuhan.

Perkara 21.

1. Setiap orang berhak mengambil bahagian dalam kerajaan negaranya, secara langsung atau melalui wakil-wakil yang dipilih dengan bebas.
2. Setiap orang adalah berhak kepada peluang samarata kepada perkhidmatan awam dalam negaranya.
3. Kemahuan rakyat hendaklah menjadi asas kewibawaan kerajaan: kemahuan ini hendaklah dibuktikan melalui pilihanraya berkala yang sejati yang mana hendaklah diadakan secara sejagat dan samarata dan hendaklah diadakan secara undi sulit atau melalui acara pengundian bebas yang ketara.

Perkara 22.

Setiap orang, sebagai anggota masyarakat, adalah berhak kepada keselamatan sosial dan berhak menjadikan suatu kenyataan, melalui usaha negara dan kerjasama antarabangsa dan menurut organisasi dan sumber-sumber dalam negara masing-masing, hak-hak ekonomi, sosial dan kebudayaan yang termesti bagi kemuliaannya dan perkembangan bebas keperibadiannya.

Perkara 23.

1. Setiap orang adalah berhak kepada pekerjaan, kepada pemilihan pekerjaannya secara bebas, kepada keadaan-keadaan pekerjaan yang adil dan berfaedah baginya dan kepada perlindungan daripada pengangguran.
2. Setiap orang, tanpa sebarang pembezaan, adalah berhak kepada penggajian yang sama bagi kerja yang sama.
3. Setiap orang yang bekerja adalah berhak kepada pembayaran saraan yang adil dan berfaedah baginya yang mana memastikan buat diri dan keluarganya suatu kehidupan sesuai dengan kemuliaan manusia, dan

yang mana ditambah. jika perlu. oleh cara-cara perlindungan sosial yang lainnya.

4. Setiap orang berhak menubuh dan menjadi ahli kesatuan sekerja bagi memperlindungi kepentingan-kepentingannya.

Perkara 24

Setiap orang adalah berhak kepada rehat dan masa lapang. termasuk batasan munasabah ke atas masa bekerja dan cuti bergaji yang berkala.

Perkara 25

1. Setiap orang adalah berhak kepada suatu taraf hidup yang memadai bagi kesihatan dan kebaikan diri dan keluarganya. termasuklah makanan. pakaian. perumahan dan pengawasan perubatan serta perkhidmatan sosial yang perlu. dan berhak kepada perlindungan ketika berlakunya pengangguran. kesakitan. ketidakupayaan. diperjandaan. keuzuran atau lain-lain kekurangan kehidupan dalam keadaan di luar kawalannya.
2. Ibu dan anak adalah berhak kepada jagaan serta bantuan khas. Semua kanak-kanak. samada dilahirkan di dalam maupun di luar nikah. hendaklah menikmati perlindungan sosial yang sama.

Perkara 26.

1. Setiap orang adalah berhak kepada pelajaran. Pelajaran hendaklah diberikan percuma. sekurang-kurangnya pada peringkat awal dan asasnya. Pelajaran peringkat awal hendaklah diwajibkan. Pelajaran teknikal serta profesional hendaklah disediakan untuk umum dan pelajaran tinggi hendaklah mempunyai akses yang samarata kepada semua orang atas dasar kebolehan.
2. Pelajaran hendaklah ditujukan kepada perkembangan sepenuhnya keperibadian manusia dan ke arah memperkuatkan lagi rasa hormat bagi hak-hak dan kebebasan asasi manusia. lanya hendaklah memupuk

persefahaman, kesabaran dan persahabatan di kalangan semua negara, bangsa atau kumpulan-kumpulan ugama, dan hendaklah memajukan segala kegiatan Bangsa-Bangsa Bersatu demi memelihara keamanan.

3. Ibu-bapa mempunyai hak terdahulu untuk memilih jenis pelajaran yang akan diberikan kepada anak-anak mereka.

Perkara 27.

1. Setiap orang berhak secara bebas mengambil bahagian dalam kegiatan kebudayaan masyarakatnya, menikmati kesenian dan sama-sama merasai kemajuan sains dan faedah-faedahnya.
2. Setiap orang adalah berhak kepada perlindungan kepentingan-kepentingan moral dan kebendaan hasil dari sebarang penghasilan sains, kesusastraan atau kesenian yang mana ianya adalah penciptanya.

Perkara 28.

Setiap orang adalah berhak kepada suatu susunan sosial dan antarabangsa dalam mana hak-hak asasi dan kebebasan yang termaktub dalam Perisyiharan ini boleh dijadikan kenyataan sepenuhnya.

Perkara 29.

1. Setiap orang mempunyai kewajipan terhadap masyarakat hanya dalam mana perkembangan keperibadiannya secara bebas dan seluruhnya termungkin.
2. Dalam mengamalkan hak-hak dan kebebasannya, setiap orang tertakluk hanya kepada batasan-batasan seperti yang ditentukan oleh undang-undang semata-mata bagi tujuan menjamin pengiktirafan dan penghormatan yang sepatutnya terhadap hak-hak dan kebebasan orang lain dan untuk mendekati keperluan-keperluan sepatutnya bagi akhlak, ketenteraman awam dan kebajikan umum dalam suatu masyarakat yang demokratik.

3. Hak-hak dan kebebasan ini tidak boleh sama sekali diamalkan secara bertentangan dengan tujuan-tujuan dan prinsip-prinsip Bangsa-Bangsa Bersatu.

Perkara 30.

Tiada apa-apa jua dalam Perisyiharan ini boleh ditafsirkan sebagai sedia tersirat memberikan kepada mana-mana negara, kumpulan atau perseorangan sebarang hak untuk melibatkan diri dalam apa-apa kegiatan atau melakukan apa-apa perbuatan dengan tujuan memusnahkan apa-apa hak dan kebebasan yang termaktub dalam Perisyiharan ini.

Sumber :

Office of the High Commissioner for Human Rights.
8-14 Avenue de la Paix.
1211 Geneva 10. Switzerland.
<http://www.unhchr.ch/udhr/lang/mli.htm> diakses pada 8 Ogos 2002.

APENDIKS 2

SENARAI PERISYIHARAN ANTARABANGSA TENTANG HAK ASASI

MANUSIA

International Bill of Human Rights

- International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights *
- International Covenant on Civil and Political Rights *
- Optional Protocol to the International Covenant on Civil and Political Rights*
- Second Optional Protocol to the International Covenant on Civil and Political Rights, aiming at the abolition of the death penalty *

Human Rights Defenders

- Declaration on the Right and Responsibility of Individuals, Groups and Organs of Society to Promote and Protect Universally Recognized Human Rights and Fundamental Freedoms: A/RES/53/144

Proclamation of Teheran

- Proclamation of Teheran

Right of self-determination

- Declaration on the Granting of Independence to Colonial Countries and Peoples
- General Assembly resolution 1803 (XVII) of 14 December 1962. "Permanent sovereignty over natural resources"

Prevention of discrimination

- United Nations Declaration on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination
- International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination*
- International Convention on the Suppression and Punishment of the Crime of *Apartheid**
- International Convention against *Apartheid* in Sports *
- Discrimination (Employment and Occupation) Convention **
- Convention against Discrimination in Education

- Protocol Instituting a Conciliation and Good Offices Commission to be responsible for seeking a settlement of any disputes which may arise between States Parties to the Convention against Discrimination in Education
- Equal Remuneration Convention **
- Declaration on the Elimination of All Forms of Intolerance and of Discrimination based on Religion or Belief
- Declaration on Fundamental Principles concerning the Contribution to the Mass Media to Strengthening Peace and International Understanding, to the Promotion of Human Rights and to Countering Racism, Apartheid and Incitement to War
- Declaration on Race and Racial Prejudice
- Declaration on the Rights of Persons Belonging to National or Ethnic, Religious and Linguistic Minorities

Rights of women

- Declaration on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women
- Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women *
- Declaration on the Elimination of Violence against Women
- Convention on the Political Rights of Women *
- Declaration on the Protection of Women and Children in Emergency and Armed Conflict
- Optional Protocol to the Convention on the Elimination of Discrimination against Women *

Rights of the child

- Declaration on the Rights of the Child
- Convention on the Rights of the Child *
- Optional protocol to the Convention on the Rights of the Child on the involvement of children in armed conflict *
- Optional protocol to the Convention on the Rights of the Child on the sale of children, child prostitution and child pornography *
- Declaration on Social and Legal Principles relating to the Protection and Welfare of Children, with Special Reference to Foster Placement and Adoption Nationally and Internationally

Slavery, servitude, forced labour and similar institutions and practices

- Slavery Convention*
- Protocol amending the Slavery Convention *
- Supplementary Convention on the Abolition of Slavery, the Slave Trade, and Institutions and Practices Similar to Slavery *

- Forced Labour Convention **
- Abolition of Forced Labour Convention **
- Convention for the Suppression of the Traffic in Persons and of the Exploitation of the Prostitution of Others*

Human rights in the administration of justice

- Standard Minimum Rules for the Treatment of Prisoners
- Basic Principles for the Treatment of Prisoners
- Body of Principles for the Protection of All Persons under Any Form of Detention or Imprisonment
- United Nations Rules for the Protection of Juveniles Deprived of the Liberty
- Declaration on the Protection of All Persons from Being Subjected to Torture and Other Cruel, Inhuman or Degrading Treatment or Punishment
- Convention against Torture and Other Cruel, Inhuman or Degrading Treatment or Punishment *
- Principles on the Effective Investigation and Documentation of Torture and Other Cruel, Inhuman or Degrading Treatment or Punishment
- Principles of Medical Ethics relevant to the Role of Health Personnel, particularly Physicians, in the Protection of Prisoners and Detainees against Torture and Other Cruel, Inhuman or Degrading Treatment or Punishment
- Safeguards guaranteeing protection of the rights of those facing the death penalty
- Code of Conduct for Law Enforcement Officials
- Basic Principles on the Use of Force and Firearms by Law Enforcement Officials
- Basic Principles on the Role of Lawyers
- Guidelines on the Role of Prosecutors
- United Nations Standard Minimum Rules for Non-custodial Measures (The Tokyo Rules)
- United Nations Guidelines for the Prevention of Juvenile Delinquency (The Riyadh Guidelines)
- United Nations Standard Minimum Rules for the Administration of Juvenile Justice ("The Beijing Rules")
- Declaration of Basic Principles of Justice for Victims of Crime and Abuse of Power
- Basic Principles on the Independence of the Judiciary
- Model Treaty on the Transfer of Proceedings in Criminal Matters
- Model Treaty on the Transfer of Supervision of Offenders Conditionally Sentenced or Conditionally Released
- Declaration on the Protection of All Persons from Enforced Disappearances

- Principles on the Effective Prevention and Investigation of Extra-legal, Arbitrary and Summary Executions

Freedom of information

- Convention on the International Right of Correction *

Freedom of association

- Freedom of Association and Protection of the Right to Organise Convention **
- Right to Organise and Collective Bargaining Convention **
- Workers' Representatives Convention **
- Labour Relations (Public Service) Convention **

Employment

- Employment Policy Convention **
- Convention (No. 154) concerning the Promotion of Collective Bargaining **
- Convention (No. 168) concerning Employment Promotion and Protection against Unemployment**
- Convention (No. 169) concerning Indigenous and Tribal Peoples in Independent Countries**

Marriage, Family and Youth

- Convention on Consent to Marriage. Minimum Age for Marriage and Registration of Marriages*
- Recommendation on Consent to Marriage. Minimum Age for Marriage and Registration of Marriages
- Declaration on the Promotion among Youth of the Ideals of Peace, Mutual Respect and Understanding between Peoples

Social welfare, progress and development

- Declaration on Social Progress and Development
- Declaration on the Rights of Mentally Retarded Persons
- Principles for the protection of persons with mental illness and the improvement of mental health care
- Universal Declaration on the Eradication of Hunger and Malnutrition
- Declaration on the Use of Scientific and Technological Progress in the Interests of Peace and for the Benefit of Mankind
- Guidelines for the Regulation of Computerized Personal Data Files
- Declaration on the Rights of Disabled Persons

- Declaration on the Right of Peoples to Peace
- Declaration on the Right to Development
- International Convention on the Protection of the Rights of All Migrant Workers and Members of Their Families *
- Universal Declaration on the Human Genome and Human Rights (UNESCO)

Right to enjoy culture, international cultural development and co-operation

- Declaration of the Principles of International Cultural Co-operation
- Recommendation concerning Education for International Understanding, Co-operation and Peace and Education relating to Human Rights and Fundamental Freedoms

Nationality, statelessness, asylum and refugees

- Convention on the Nationality of Married Women *
- Convention on the Reduction of Statelessness *
- Convention relating to the Status of Stateless Persons *
- Convention relating to the Status of Refugees *
- Protocol relating to the Status of Refugees *
- Statute of the Office of the United Nations High Commissioner for Refugees
- Declaration on Territorial Asylum
- Declaration on the Human Rights of Individuals Who are not Nationals of the Country in which They Live

War crimes and crimes against humanity, including genocide

- Convention on the Prevention and Punishment of the Crime of Genocide *
- Convention on the Non-Applicability of Statutory Limitations to War Crimes and Crimes against Humanity *
- Principles of international co-operation in the detection, arrest, extradition and punishment of persons guilty of war crimes and crimes against humanity

Humanitarian law

- Geneva Convention for the Amelioration of the Condition of the Wounded and Sick in Armed Forces in the Field
- Geneva Convention for the Amelioration of the Condition of Wounded, Sick and Shipwrecked Members of Armed Forces at Sea
- Geneva Convention relative to the Treatment of Prisoners of War

- Geneva Convention relative to the Protection of Civilian Persons in Time of War
- Protocol Additional to the Geneva Conventions of 12 August 1949, and relating to the Protection of Victims of International Armed Conflicts (Protocol I)
- Protocol Additional to the Geneva Conventions of 12 August 1949, and relating to the Protection of Victims of Non-International Armed Conflicts (Protocol II)

* With link to status of ratifications, reservations and declarations

** With direct link to ILO's ILOLEX database, containing ratification information on International Labour Standards. Ratification information is updated daily.

Sumber :

Office of the High Commissioner for Human Rights.

8-14 Avenue de la Paix.

1211 Geneva 10, Switzerland.

<http://www.unhchr.ch/html/intlinst.htm> diakses pada 8 Ogos 2002.

APENDIKS 3

ISU-ISU UTAMA HAK ASASI MANUSIA

- Adequate housing
- Administration of justice
- AIDS
- Arbitrary detention
- Asylum
- Biotechnology (Human rights and)
- Business and human rights
- Capital punishment
- Children's rights
- Civil and political rights
- Crimes against humanity
- Death penalty (Capital)
- Defenders (Human Rights-)
- Development (Human Rights in-)
- Disability (Human Rights and)
- Disappearances
- Discrimination (other forms than racism and racial discrimination)
- Economic, social and cultural rights
- Education (Right to-)
- Enhancing national capacities
- Environment
- Executions (extrajudicial, summary or arbitrary-)
- Exploitation of the prostitution of others
- Extreme poverty
- Fair trial (right to a-)
- Family rights
- Food (Right to -)
- Forced or bonded labour
- Foreign debt (Structural adjustment and-)
- Forensic science (Human rights and-)
- Freedom of association
- Freedom of opinion and expression
- Freedom of religion and belief
- Genocide
- Girl children
- Globalization
- Good governance
- Health
- HIV/AIDS
- Housing (Adequate-)
- Human rights defenders
- Human rights education
- Human rights institutions for the protection and promotion of human rights (National Institutions)
- Income distribution
- Independence of the judiciary
- Indigenous people(s)/populations
- Internally displaced persons
- International law and human rights
- Justice (Administration of-)
- Labour rights (Employment)
- Law enforcement
- Mainstreaming human rights
- Mercenaries
- Migrants
- Minorities
- National human rights institutions for the protection and promotion of human rights
- Nationality and statelessness
- Poverty

- Racism and racial discrimination
- Refugees
- Religious intolerance
- Right to development
- Right to education
- Right to food
- Rights-based approaches to development
- Self-determination
- Slavery
- States of Emergency
- Structural adjustment and foreign debt
- Summary or arbitrary executions
- Terrorism
- Torture
- Toxic waste
- Traditional practices
- Traffic in persons
- Transnational corporations
- War crimes
- Women
- Xenophobia

Sumber :

Office of the High Commissioner for Human Rights.
8-14 Avenue de la Paix.
1211 Geneva 10. Switzerland.
<http://www.unhchr.ch/html/menu2/hrissues.htm>. diakses pada 8 Ogos 2002.